

Najib harap tiada pihak politikkan isu pengajaran dalam dwibahasa

UM 2 NOV 2002

PEKAN 1 Nov. — Kerajaan berharap tiada lagi pihak sama ada pertubuhan Cina atau parti politik yang cuba mempolitikkan isu pengajaran Sains dan Matematik dalam dwibahasa selepas formula tersebut diterima secara muafakat oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) semalam.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, formula tersebut dipersetujui kerana semua parti komponen BN mendapat jaminan ia tidak akan menukar identiti Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) atau menjejaskan masa depan guru-guru bahasa Mandarin.

Katanya, formula pengajaran secara dwibahasa itu juga membuktikan kepada pihak-pihak berkenaan bahawa kerajaan ikhlas untuk memelihara masa depan SJKC di samping menyedarkan mereka tentang faedah perediaan menghadapi proses globalisasi.

"Kita berharap bahawa masyarakat Cina menaruh keyakinan terhadap kemudahan menguasai bahasa Inggeris sebagai satu kebai-kan untuk mereka sendiri

dalam dunia yang berdaya saing dan menjelang proses globalisasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Ganchong di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai keputusan Dewan Tertinggi BN semalam yang bersetuju mengekalkan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Mandarin dan pada masa yang sama memperkenankan dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN berkata, UMNO dan parti komponen BN berasaskan kaum Cina telah bertolak ansur untuk membolehkan formula itu dicapai sebulat suara.

Dr. Mahathir menegaskan, beliau yang juga Presiden UMNO bersama rakan-rakan lain dalam BN, mengambil tanggungjawab untuk membuat sedikit pindaan kepada pendirian UMNO sebelum ini demi kepentingan perpaduan BN.

Mengulas lanjut, Najib menambah, formula dwibahasa itu dengan sendirinya

bulkan kesedaran kepada masyarakat Cina dalam usaha untuk memperkukuhkan penggunaan bahasa Inggeris.

"Ia menunjukkan keikhlasan kerajaan terhadap masa depan sekolah dan masyarakat Cina malah kita beri jaminan, identiti dan guru SJKC tidak akan terjejas," katanya.

Najib berkata, penggunaan formula dwibahasa itu juga bererti bahawa SJKC kini akan mengalami satu lonjakan besar dengan penambahan sembilan waktu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris setiap minggu.

"SJKC sebelumnya menggunakan Mandarin sebagai bahasa pengantar mereka dan tiada langsung pengajaran dalam bahasa Inggeris, tetapi kini sudah mempunyai sembilan waktu baru seminggu.

"Ini bererti satu lonjakan yang besar dan mampu memenuhi hasrat yang telah kita tentukan bersama walaupun dalam masa yang sama, penggunaan Mandarin sebagai bahasa pengantar kedua-dua mata pelajaran itu kita kekalkan," katanya.